

13 JAN 1998

Mahathir-Teknologi

MANFAATKAN HASIL PENYELIDIKAN

BANGI, 13 Jan (Bernama) -- Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad hari ini melancarkan Taman Teknologi Institut Penyelidikan Teknologi Nuklear Malaysia (MINT Tech-Park) dengan menyarankan syarikat swasta supaya merapatkan hubungan dan kerjasama dengan institusi penyelidikan di negara ini bagi memanfaatkan hasil penyelidikan mereka.

Perdana Menteri berkata perhubungan dan kerjasama yang rapat itu penting kerana banyak teknologi dan kepakaran yang dimiliki institusi penyelidikan boleh digunakan untuk meningkatkan daya saing industri.

"Mungkin suatu masa kelak teknologi tempatan berupaya menggantikan teknologi asing untuk syarikat-syarikat Malaysia," kata Perdana Menteri ketika merasmikan taman teknologi yang mempunyai empat loji perintis itu di sini.

Dr Mahathir berkata penguasaan teknologi dan kemampuan mewujudkan teknologi baru adalah penting untuk Malaysia mencapai status negara maju pada tahun 2020.

"Ini kerana keupayaan Malaysia untuk bersaing di pasaran dunia bergantung kepada kemampuan teknologinya," katanya.

Perdana Menteri berkata, kerajaan menyediakan peruntukan yang besar bagi membiayai program penyelidikan dan pembangunan (R&D), khususnya sektor awam, dan menyediakan pelbagai insentif kepada sektor swasta untuk meningkatkan aktiviti itu.

"Walaupun R&D memerlukan peruntukan yang besar, kita perlu melihatnya sebagai satu pelaburan jangka panjang yang penting untuk meningkatkan daya saing barangan keluaran negara," katanya.

Ketika ditanya pemberita kemudian, Dr Mahathir berkata, pengalaman Malaysia dalam usaha menggalakkan penggunaan hasil penemuan institusi-institusi penyelidikan tempatan di kalangan sektor swasta amat mengecewakan.

"Banyak penyelidikan yang dibuat oleh agensi-agensi penyelidikan kerajaan tinggal begitu sahaja kerana mereka (syarikat swasta) asyik mencari keuntungan yang mudah dengan membuat projek perumahan, buat bangunan, yang tidak memerlukan banyak kemahiran," katanya.

Beliau berkata, syarikat-syarikat swasta di negara ini sepatutnya mencontohi rakan-rakan mereka di Jepun yang melihat potensi hasil-hasil penyelidikan sebagai sesuatu yang mampu membawa kemewahan jika dimanfaatkan sepenuhnya.

"Di Malaysia ni kita (syarikat-syarikat swasta) bukan sahaja tak menyelidik tapi kita juga tak pergunakan hasil penyelidikan. Yang mudah sekali buat rumah, jual, tidak memerlukan otak yang geliga sangat," katanya ketika ditanya sambutan sektor swasta kepada hasil penemuan institusi-institusi penyelidikan tempatan.

Mengenai penglibatan syarikat-syarikat swasta tempatan dalam aktiviti R&D pula, Perdana Menteri berkata, mereka tidak sepatutnya terlalu mengharap kerajaan memberi insentif bagi menggalakkan mereka memulakan kegiatan itu.

Dr Mahathir berkata, insentif yang paling berharga dalam aktiviti R&D adalah keuntungan yang bakal diperolehi syarikat-syarikat swasta yang berjaya memanfaatkan hasil-hasil penyelidikan mereka.

"R&D ini untuk kebaikan mereka sendiri. Takkanlah bila nak sesuatu sahaja tanya kerajaan nak bagi insentif atau tidak.

"Mereka akan dapat untung kalau gunakan teknologi yang diperolehi.

Kalau agensi kerajaan pun boleh untung (dengan menjual hasil penyelidikan), saya ingat sektor swasta lagi boleh untung," katanya. -- BERNAMA
AH NMO